
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

YKT 111 – Teori dan Penyelidikan Komunikasi I

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

...2/-

1. Teori-teori komunikasi tidak boleh dipisahkan daripada teori-teori tentang masyarakat. Bincangkan dengan kritis kenyataan ini.

2. Proses pembangunan yang disarankan oleh teori modenisasi mengeneipkan faktor-faktor sejarah dan tidak menilai secara menyeluruh struktur sosial masyarakat di negara-negara dunia ketiga. Bincangkan kenyataan ini dengan menilai implikasi saranan tersebut ke atas media serta sistem sosial dan politik masyarakat negara membangun.

3. Selain daripada kawalan perundangan, industri media juga dikawal secara tidak langsung melalui proses pemilikan dan penguasaan. Bincangkan sejauh mana faktor pemilikan dan penguasaan sistem media tempatan ini mempunyai kesan ke atas penghasilan bahan media.

4. Dalam kajian yang dijalankan di Eerie County pada tahun 1940, Lazarsfeld mendapati bahawa pengaruh media ke atas audiens tidak berlaku secara terus. Sebaliknya, mesej media ditapis oleh pemimpin pendapat yang wujud dalam masyarakat. Terangkan proses ini dan dalam aspek apakah kajian ini berbeza dengan kajian *Nationwide Audience* yang dijalankan oleh David Morley pada tahun 1980.

5. Merujuk kepada artikel Mustafa Kamal Anuar (1992), apakah bentuk kajian yang sering dilakukan oleh pengkaji komunikasi di negara ini dan mengapakah pentingnya dilakukan satu anjakan paradigma?